

Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

Bahagian A

Jawab semua soalan.

4.1

Pemerintahan Kesultanan Melayu di Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan latar belakang pembentukan negeri Perlis.

ARAS R

Perlis merupakan sebahagian daripada wilayah X.

Apakah negeri yang dirujuk sebagai wilayah X?

- A Terengganu C Kedah
B Kelantan D Johor

BT ms. 86

- 2 Apakah faktor utama hubungan luar negeri Perlis dengan Siam diteruskan?

ARAS R

- A Membina pelabuhan baharu
B Mengelakkan gangguan kuasa lain
C Mengekalkan kestabilan politik di rantau tersebut
D Meningkatkan hubungan perdagangan antarabangsa

BT ms. 86

- 3 Pertapakan Islam di Kedah bermula pada abad ke-12 dan membawa kepada sistem pemerintahan Islam. Di manakah pusat pemerintahan Kedah pada masa tersebut?

ARAS R

- A Kota Bukit Meriam
B Kota Kuala Kedah
C Pasir Puteh
D Kota Arau

BT ms. 87

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan hubungan luar Kedah.

ARAS R

Kedah menjalin hubungan luar dengan negara X sebagai strategi mempertahankan negeri daripada ancaman.

X ialah

- A Burma C India
B Parsi D Siam

BT ms. 87

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem perundangan di sebuah negeri.

ARAS R

Undang-undang syarak

Negeri manakah yang melaksanakan undang-undang tersebut?

- A Perak
B Pahang
C Kelantan
D Terengganu

BT ms. 88

- 6 Bagaimanakah seseorang hakim mahkamah dilantik semasa pemerintahan Kesultanan Terengganu?

ARAS T

- I Individu yang berkebolehan
II Mempunyai pengetahuan agama
III Mahir bersajak dan berdebat
IV Mempunyai ilmu undang-undang
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 89

- 7 Mengapakah Maharaja Abu Bakar menjalin hubungan dengan Jepun dan Eropah?

ARAS S

- A Memastikan Johor tersusun
B Mengiktiraf kedudukan Johor
C Mencapai kemakmuran ekonomi
D Mencapai kestabilan politik

BT ms. 89

4.2

Peluasan Kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu

- 8 Apakah kuasa Barat yang berminat untuk meluaskan kuasa mereka di sekitar negeri Melayu Utara?

ARAS R

- I Jerman
II Belanda
III Sepanyol
IV Amerika Syarikat
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 90

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan kekayaan sumber hasil di negeri X.

ARAS R

Pertanian dan penternakan untuk bekalan makanan bagi memenuhi permintaan penduduk di negeri X.

Apakah negeri X?

- A Terengganu
B Kelantan
C Melaka
D Perlis

BT ms. 91

- 10 Apakah perjanjian yang ditandatangani antara British dengan Siam pada tahun 1909?

ARAS R

- A Perjanjian Sempadan
B Perjanjian Bangkok
C Perjanjian Burney
D Perjanjian Sulit

BT ms. 93

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh yang terlibat dalam Perjanjian Bangkok 1909.

ARAS S



Siapakah tokoh X?

- A Harry Odd
- B E.H. Strobel
- C Anthony Abell
- D Ferdinand de Lesseps

BT ms. 93

4.3 Peluasan Kuasa British di Johor

- 12 Apakah faktor yang menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negeri Johor?
- I Perkembangan pesat dalam aktiviti perlombongan
 - II Kemunculan golongan pentadbir yang komited
 - III Kebijaksanaan dan kecekapan pemerintah
 - IV Kedudukan yang strategik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 94

- 13 Apakah strategi yang digunakan oleh British untuk menguasai Johor?
- I Pakatan
 - II Perjanjian
 - III Manipulasi
 - IV Musyawarah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 95

- 14 Maklumat berikut merupakan tindakan British untuk menguasai Johor.

British menawarkan pinjaman kepada Johor.

Berapakah jumlah tawaran pinjaman yang diberikan oleh British kepada Johor?

- A 100 000 dolar
- B 200 000 dolar
- C 300 000 dolar
- D 400 000 dolar

BT ms. 95

- 15 Mengapakah British menawarkan pinjaman kepada negeri Johor?
- A Membina terusan
 - B Membina sekolah
 - C Memodenkan sistem pelabuhan
 - D Membiayai pembinaan kereta api

BT ms. 95

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Johor.

12 Mei 1914

Sultan Ibrahim menandatangani perjanjian dengan tokoh X.

Siapakah tokoh X?

- A Douglas Graham Campbell
- B Arthur Henderson Young
- C Stamford Raffles
- D Andrew Clarke

BT ms. 95

4.4 Sistem Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

- 17 Antara berikut, yang manakah persamaan antara kelima-lima buah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?
- I Mempunyai kuasa autonomi
 - II Mengamalkan pemerintahan beraja yang bebas
 - III Menggunakan kuasa politik British dalam semua keputusan pentadbiran
 - IV Mempunyai pentadbiran yang disatukan di bawah satu pemerintahan pusat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

BT ms. 96

- 18 Apakah persamaan dalam pentadbiran British antara Perlis dengan Kedah setelah berlakunya peluasan kuasa British di negeri tersebut?
- A Majlis Mesyuarat Negeri menjalankan pentadbiran yang dipengerusikan oleh Gabenor
 - B Penasihat British terlibat secara langsung dalam pentadbiran
 - C Setiausaha kerajaan menjadi penasihat British
 - D Penasihat British mengambil alih peranan raja

BT ms. 97

- 19 Siapakah yang mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negeri di Kelantan?
- A Sultan
 - B Pegawai Eropah
 - C Penasihat British
 - D Setiausaha Kerajaan

BT ms. 98

- 20 Pengenalan birokrasi Barat membawa perubahan dalam urusan pentadbiran negeri dengan mula mengamalkan cara Barat. Apakah bukti perubahan tersebut?

- A Mahkamah Syariah diperkenalkan
- B Sultan diberikan elaun dan pencen
- C Bahasa Inggeris digunakan dalam urusan rasmi kerajaan
- D Pegawai British dilantik sebagai pegawai pentadbiran kerajaan

BT ms. 101